

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 25 Ogos 2021 16:27
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Perutusan Naib Canselor sempena Bulan Kebangsaan



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

25 OGOS 2021 / 16 MUHARAM 1443H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:



UUM
Universiti Utara Malaysia



PERUTUSAN NAIB CANSELOR *sempena* **BULAN KEBANGSAAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera diucapkan kepada seluruh warga Universiti Utara Malaysia yang dikasihi sekalian

Alhamdulillah kerana pada tahun ini kita masih berkesempatan menyambut bulan kemerdekaan seperti tahun-tahun sebelum ini. Seperti yang sedia dimaklumi, tema "Malaysia Prihatin" masih lagi dikekalkan bagi menggambarkan keprihatinan seluruh rakyat Malaysia dalam membantu kerajaan mengatasi cabaran dan dugaan khususnya daripada wabak Covid-19. Saya berasa amat terharu atas semangat keprihatinan yang ditunjukkan warga UUM dalam melalui fasa yang penuh cabaran demi memastikan kesejahteraan semua. Syabas saya ucapkan kerana ramai warga UUM yang telah mendapatkan vaksin Covid-19 sekurang-kurangnya dos yang pertama. Malah keprihatinan ini diperluaskan lagi kepada masyarakat setempat apabila kita membenarkan penggunaan Dewan Mu'adzam Shah sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kepada Kementerian Kesihatan Malaysia di daerah Kubang Pasu. Tahniah diucapkan!

Di sini saya ingin menyeru kepada semua agar menghayati semangat kemerdekaan dan penyatuan dua buah negeri, Sabah dan Sarawak, ke dalam negara Malaysia dengan belajar dan mengambil iktibar daripada sejarah. Jangan terlalu melihat pada perbezaan yang wujud sebaliknya fokus pada kekuatan dan kelebihan yang kita miliki bagi memastikan Malaysia menjadi lebih baik daripada hari ini. Semangat inilah yang amat diperlukan bagi membantu UUM menjadi "Universiti Pengurusan Terkemuka". Saya mahu kita fokus pada kelebihan dan kekuatan yang kita miliki sambil terus mengkaji kelemahan dan kekurangan agar terus diperbaiki.

Saya yakin semangat inilah juga yang membantu UUM lebih cemerlang seperti hari ini. Oleh itu, jangan sia-siakan segala usaha yang telah dibuat selama ini. Malah, gandakan usaha dan keprihatinan kita bagi memastikan pengorbanan yang kita lakukan tidak sia-sia. Saya turut mendoakan agar sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini sentiasa mengingatkan kita tentang tanggungjawab bersama untuk terus melakar kejayaan sebagai penghargaan kita terhadap pengorbanan dan jasa generasi yang terdahulu. Tiada yang lebih membahagiakan daripada dapat melihat keamanan dan kemakmuran menjadi milik generasi yang akan datang.

Sekian.

PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR HAJI ABDUL GHANI

Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.